

AKU DAN DIA

Seingat aku sebelum itu tidak pernah ayah, aku dan dia berjalan bersama-sama pada waktu malam. Maklumlah keluarga besar dan susah, apalah yang boleh kami lakukan jika keluar bersantai pada waktu malam di kota, cuma membuang masa dan wang saja rasanya. Seinggalah pada suatu malam tiba-tiba aku mengalami muntah-muntah yang teruk. Aku tidak pasti apa yang berlaku tapi badanku sudah lembik, mukaku sudah biru. Ketika itu aku cuma berumur lebih kurang lapan tahun. Apa sangatlah yang aku tahu tentang kesihatan. Akhirnya ayah, aku dan dia merasa juga keluar bersama pada waktu malam. Keseronokan cuma mampu kurasakan di dalam hati, kalau ingin melonjak pun aku tidak mampu. Sepanjang perjalanan ke hospital dan pulang ke rumah aku tersenyum sendirian. Cuma dengan berjalan-jalan bersama dengan ayah dan dia aku merasa sudah sembuh. Hilang ketakutan pada doktor (tapi memang aku tidak pernah takutkan doktor sebenarnya). Aku perhatikan bagaimana ayah dan dia saling mengasihi antara satu dengan lain. Kasih sayang mereka tidak dinyatakan dengan ucapan cinta dan sayang. Tetapi tingkah mereka yang lembut dan cermat cukup untuk menggambarkan perasaan masing-masing. Sungguh indah dan romantik pula rasanya. Bermula hari itu aku sentiasa memerhatikan ayah setiap kali bersama dia, dan aku juga memerhatikan dia setiap kali ayah biarkan dia sendirian. Setiap hari aku berangan-angan bahawa satu hari aku akan mencari "dia" milikku sendiri. Semoga "dia" milikku mempunyai ciri-ciri yang sama dengan dia, malah mungkin lebih baik lagi. Bukan untuk menunjuk-nunjuk tapi sudah tentu ayah dan dia bangga melihat aku bersama "dia" yang sempurna dan mampu memelihara anaknya. Aku tanam azam itu di dalam hatiku seteguh dan sekuat-kuatnya.

Sepanjang pengajianku di sekolah asrama seinggalah mendapat sarjana muda, tidak pernah azam itu terpadam. Malah semakin bersinar indah dan terang ia kerana aku tahu selepas mendapat pekerjaan aku pasti mendapatkan dia. Sepanjang pengajianku itu jugalah tidak henti-henti aku mencari dia yang mana satu boleh menjadi milikku dan dia yang mana satu ingin memilikiku. Sekadar mencari, tidak lebih dari itu, kerana aku masih tidak mampu memiliki mana-mana dia ketika aku menyara hidup dengan pinjaman pelajaran dan wang ayah dan dia. Selalu aku memujuk diriku, "Sabar! Tidak lama lagi." Aku temui juga beberapa dia yang layak buatku, fikirku pada masa itu. Ada juga dia yang cuba-cuba menghampiri aku, fikirku pada masa itu. Tetapi, "Sabar! Tidak lama lagi." Aku melepaskan peluang, yang sebenarnya cuma sekelumit sahaja, pergi begitu sahaja.

Kesabaranku teruji setelah selesai pengajianku. Enam bulan lamanya aku mencari pekerjaan, tapi tidak ada pekerjaan yang mahukan aku. Aku sudah berusaha bersungguh-sungguh, pada mulanya aku membataskan untuk memohon pekerjaan berdekatan tetapi akhirnya aku sedar itu tidak mungkin. Aku luaskan lagi kawasan permohonanku untuk mendapatkan pekerjaan. Enam bulan, kelihatan seolah-olah hilanglah peluangku untuk mencari dia yang boleh menjadi milikku. Sedih sekali rasanya. Tetapi ayah dan dia tidak pernah putus asa memberikan sokongan kepadaku. Ayah dan dia bangga sekali aku mendapat ijazah, tahap kelulusan tertinggi pernah diperolehi anak-anaknya. Ayah dan dia tidak pernah letih membantu aku mendapatkan pekerjaan walaupun aku semakin lama

semakin pudar semangat. Akhirnya peluang tiba dengan tidak aku sangka dan mudah sekali rasanya. Ketika aku berpeluh dan berselut tanah kebun belakang rumah aku dipanggil kononnya ada panggilan telefon. Temu duga berlangsung di dalam telefon kerana syarikat itu terletak jauh, ayah dan dia pasti tidak mampu menghantarku ke sana, dan syarikat itu memerlukan pekerja secepat mungkin. Walaupun tidak selesa dengan keadaanku ketika itu, aku menjawab sebaik mungkin. Mungkin ini sahajalah peluangku untuk memiliki dia.

Mungkin sudah memang rezeki yang ditetapkan untuk aku, dua minggu kemudian aku sudah bersedia untuk berangkat untuk bekerja bersama syarikat itu. Ayah dan dia cuma mampu menghantar aku ke lapangan terbang. Aku lihat ayah dan dia sedih tapi seperti biasa tidak mereka tunjukkan kepadaku. Aku tahu, ayah dan dia tahu, pemergianku kali ini tidak tahu bila lagi akan kembali. Pemergian ini lain daripada pemergian yang terdahulu. Kutatap ayah dan dia, kukenang jasa ayah dan dia, kulambai pergi ayah dan dia, kutinggalkan ayah dan dia. Bila lagi kita akan berjumpa?.

Bulan-bulan pertama bekerja di syarikat itu tidak pernah satu hari pun berlalu tanpa aku asyik memikirkan bagaimana untuk mendapatkan dia. Aku mengatur rencana, pertama aku perlu mencari, kemudian memilih dan langkah akhir aku perlu menyatakan perasaanku kepadanya. Maka bermulalah pencarianku untuk memiliki dia. Puas juga aku mencari dan bukannya mudah pencarian ini. Semua ciri-ciri penting yang aku gemari perlu di pertimbangkan sebelum aku boleh membuat senarai pendek. Aku mahu dia yang sempurna seperti dia milik ayah. Banyak sekali tempat yang aku lawati kerana rezeki aku tahu bukannya tersimpan di satu tempat sahaja. Dari situ aku sudah menyediakan senarai pendekku siap dengan sedikit keterangan tentang kelebihan dan kekurangan mereka. Sekarang masuk peringkat kedua, dari senarai pendek itu aku perlu membuat keputusan. Di sini aku memerlukan nasihat ayah. Lalu kuhubungi dia dan seperti biasa ayah dan dia tidak pernah jenuh membantu anaknya yang seorang ini. Banyak sekali nasihat ayah tentang bagaimana untuk menilai dia yang bagaimana sesuai untuk diriku. Aku faham maksud ayah, dia yang sesuai untuk diriku bermaksud untuk ayah dan dia juga. Dari ciri-ciri pilihanku sendiri aku tambah lagi ciri-ciri pilihan ayah dan dia. Kini senarai pendek yang aku ada menjadi semakin pendek, cuma tiga dari tujuh yang masih layak untuk aku pertimbangkan masuk ke peringkat pemilihan ini. Aku temui setiap satu dari tiga dia itu. Aku pekakan diriku pada kesemua ciri yang telah di senaraikan dan aku pekakan diriku juga untuk melihat sama ada perasaanku berbalas atau tidak. Aku tidak mahu perasaan antara kami cuma mengalir satu arah, mungkin itulah syarat utama dalam hubungan kami pada masa akan datang. Susah sekali untuk membuat pilihan. Ketiga-tiga mereka mempunyai kelebihan dan kekurangan yang berbeza tetapi kalau dilihat dari segi markah mereka memperolehi markah yang hampir sama. Akhirnya aku membuat keputusan untuk menyusun semua ciri-ciri seperti yang aku ingini berdasarkan kepada kepentingannya. Ciri paling utama kuletakkan pada tahap tertinggi dan ciri tidak penting aku letakkan pada tahap tercorot. Walaupun perasaan berbelah bagi setelah melakukan semua itu aku berjaya memperolehi keputusan yang satu. Dia akan menjadi milikku.

Kutemui dia untuk kesekian kalinya. Gembira sungguh dia pada hari itu lebih daripada hari-hari biasa. Walaupun dia tidak tahu mengapa dia perlu berperasaan seperti itu. Aku yang telah

menunggu hari itu sejak berumur lapan tahun lagi juga menjadi gementar. Darah gemuruh memenuhi tubuhku. Asyik aku berfikir apa akan diterimanya aku? Apa akan serasikah kami? Apa akan kekalkah kami seperti ayah dan dia? Tidak habis-habis persoalan yang timbul di dalam benak, dan tidak muncul-muncul jawapan yang diharapkan. Apa pun semua yang perlu telah dilakukan, keputusan telah dibuat, apa yang perlu sekarang cuma menyatakannya bagaimana perasaanku. Gemuruh, panik, bercelaru, gagap, kelu, peluh dingin. Terluah juga kata-kata itu. Tidak aku sangka tanganku tidak bertepuk sebelah sahaja. Perasaanku diterima sepenuh-penuhnya tanpa sebarang sangsi dan ragu. Lega, tenang, gembira, bahagia.

Bermula hari itu kami sudah seperti belangkas, di mana ada aku pasti ada dia. Seperti ayah dan dia. Aku menjaga perasaannya sama seperti ayah menjaga perasaan dia. Aku ingati semula apa yang pernah ayah tunjukkan kepadaku. Aku amalkan semua yang kuingati itu. Malangnya aku tidak mampu untuk memperkenalkan dia kepada ayah dan dia. Mungkin belum lagi. Mungkin akan tiba masanya nanti. Kami lalui hari-hari kami dengan bahagia dan gembira sekali. Barulah aku ketahui perasaan sebenar untuk menemui dia milikku sendiri. Aku memiliki dia, dia memiliki aku. Jauh juga perjalanan kami bersama. Kami merantau sehingga ke pelosok desa yang tidak dilalui oleh manusia lagi. Kami merantau sehingga di mana cuma kami berdua sahaja yang tidak kena pada tempatnya. Kami lalui kota-kota besar, pekan-pekan kecil, desa-desa permai, hutan-hutan simpan, pantai-pantai, sungai-sungai tenang, tasik, air terjun demi air terjun, kolam air panas. Jika di kota kami menginap di rumah-rumah tumpangan. Jika di pekan-pekan atau di desa-desa kecil kami menginap di surau-surau atau di masjid-masjid. Jika di kawasan rekreasi hutan simpan, pantai, sungai, tasik, air terjun dan kolam air panas aku pasang buaian di dalam pondok wakaf. Jika di dalam hutan aku pasang khemah. Kami tidak dapat dipisahkan. Saat-saat itu sangat indah sekali, memori indah ini tidak akan terpadam selamanya buat aku dan dia. Tidak sia-sia kesabaranku selama ini menunggu untuk mencari dia yang paling sempurna.

Tidak aku nafikan di dalam semua kegembiraan itu kadang kala kami melalui juga saat sedih. Kami pernah kehilangan teman-teman tersayang. Kami pernah bertelagah. Kami pernah tidak bertegur sapa. Kami pernah terpaksa berpisah sementara. Beberapa orang teman pergi meninggalkan kami sama ada kerana tugas, keluarga atau untuk menjalani kehidupan di alam seterusnya. Jika ini berlaku aku dan dia tidak akan berkata apa-apa, diam seribu bahasa. Duduk bersama menatap apa sahaja yang ada di mana kami berada ketika itu. Menatap air jika kami di laut, sungai atau tasik. Menatap bangunan jika kami di kota. Menatap pohon-pohon hijau dan gunung-gunung jika kami di pinggir hutan. Ketika bertelagah kami berdua agak keras kepala. Tapi kami serupa, kalau marah tidak suka meninggikan suara. Sudahnya kami duduk membelakangkan satu sama lain dan tidak bersuara. Macam mana pun pertelagahan itu selalunya tidak berpanjangan. Kami pasti akan berbaik semula setelah masing-masing tenang dan kembali berfikiran waras. Kami pernah juga terpaksa berpisah sementara. Sama ada aku terpaksa meninggalkan dia atau dia terpaksa meninggalkan aku. Pernah aku pulang menemui ayah dan dia, kerana pelbagai masalah dia tidak boleh pergi bersamaku. Pernah dia terpaksa aku tinggalkan bersama orang tuanya, kerana tugas aku

tidak dapat bersamanya ketika di tidak sihat. Dia faham dan itu membuat aku berasa sedih dan gembira pada masa yang sama.

Jika pada saat gembira, hampir setiap masa kami penuh dengan cerita dan gelak ketawa. Jika pada saat sedih, hampir setiap masa kami pula penuh dengan pendaman rasa dan muka masam mencuka. Itulah kami seperti belangkas ke mana sahaja bersama. Itulah kami saling memahami perasaan suka dan duka. Itulah kami seperti juga ayah dan dia.

Aku pindah bekerja ke kota lain dengan syarikat yang lain. Dia juga tidak mahu kutinggalkan. Kamiinginap di rumah yang sama agar kami kekal seperti sebelum ini. Sesuatu berlaku semasa dalam perjalanan kami. Kami mengalami kemalangan yang agak parah. Tetapi dengan izin-Nya aku dan dia selamat dan masih mampu meneruskan perjalanan sehingga sampai ke kota dan mendapatkan rawatan. Sepanjang perjalanan kami berdua menahan kesakitan akibat luka. Setelah dirawat syukur kami berdua dibenarkan berehat di rumah sahaja. Aku terpaksa menanggunghkan tarikh aku melaporkan diri di syarikat baru. Pada ketika itu kesetiaan kami menghadapi ujian yang hebat sekali. Kami berdua di dalam kesakitan, walaupun sakit pada fizikal aku lebih parah, tapi dia lebih kepada sakit emosi. Di dalam kesakitan fizikal aku dan sakit emosinya aku terpaksa menghantar dia pulang kepada ibu bapanya. Kami terpaksa berpisah sementara. Aku tidak pasti sama ada dia marah padaku atau tidak. Tapi dalam keadaanku seperti ini aku tidak mampu menjaganya dengan sempurna. Aku pasti dia dalam jagaan yang baik bersama dengan ibu bapanya. Selama satu minggu aku terlantar seorang diri di rumah dan kota yang baru. Satu minggu jugalah aku terpisah dengan dia. Rindunya aku pada dia dan aku pasti dia juga sama. Kami cuma berhubung sekali sekala untuk bertanyakan khabar. Syukur kecederaan fizikalku dan kecederaan emosinya tidak ada yang kekal. Kami kembali bersama selepas terpisah selama seminggu dalam keadaan yang mencabar seperti itu.

Kota baru, kerja baru, cabaran baru. Kami saling memberikan sokongan pada diri masing-masing. Kami lalui setiap hari bersama dengan semangat dan azam membara mengetahui bahawa kami tidak ingin berpisah lagi. Perpisahan itu sangat menyakitkan. Tapi apa yang berlaku pada satu hari di bulan November tidak mungkin boleh aku lupakan. Satu lagi peristiwa yang terpahat dalam hati dan kepalaku sama seperti yang berlaku ketika zaman kanak-kanakku dan sama seperti yang berlaku ketika pertama kali aku meluahkan perasaanku padanya. Semasa aku menyedari perkara itu aku cuba menafikannya. Berulang kali aku cuba menghubunginya tetapi dia seperti ditelan bumi hilang begitu sahaja. Puas aku berlari ke sana kemari mencari kesannya tapi semuanya hampa. Aku kembali ke rumah dan mula merasakan kekosongan dalam rumah itu dan juga di dalam diri ini. Pedih sungguh rasanya hatiku. Aku tahu jika dia pergi, dia pergi bukan dengan kerelaan hatinya. Pasti ada yang memaksanya. Aku duduk tersepek di tepi dinding dan menangis tersengguk-sengguk. Lama sekali aku cuba menenteramkan jiwaku yang bergejolak. Aku yakinkan diriku yang dia masih sayangkan aku dan tidak akan meninggalkan aku dengan rela. Apa sahaja yang menyebabkan dia meninggalkan aku itu tidak akan aku maafkan selamanya. Aku cuma ingin dia selamat sentiasa. Tidak ada cara terbaik lagi pada fikiranku selain daripada melaporkan kehilangannya kepada pihak berkuasa. Semasa membuat laporan itu pihak berkuasa bertanya pelbagai soalan yang

membangkitkan pelbagai memori bersamanya. Mereka bertanya sama ada aku kenal tanda-tanda unik pada dirinya untuk tujuan identifikasi. Aku jawab aku kenal dia luar dan dalam, atas dan bawah, kecil dan besar. Tidak ada yang mampu mengubah tanpa aku mengetahuinya. Kemudian mereka bertanya sama ada dia ada melakukan perkara-perkara yang luar daripada kebiasaan sebelum kehilangannya. Setahu aku tidak ada. Seperti kataku tidak ada yang tidak aku ketahui jika berkaitan dengan dia. Pihak berkuasa memberikan jaminan bahawa mereka akan membuat operasi mencari dan menyelamatkan secepat mungkin. Kerana laporan dibuat hanya beberapa jam selepas kehilangan kemungkinan untuk menemuinya adalah besar. Tapi jam berganti hari, hari berganti minggu, minggu berganti bulan. Harapanku juga turut menurun bersama peredaran waktu. Walau sekecil mana pun harapan itu tetap kusimpan juga di dalam hati. Mudah-mudahan mereka akan menemui dia suatu hari nanti dan membawanya kembali kepadaku. Harapan itulah yang membawa aku ke sini, ke kota ini.

Setelah dua tahun kehilangannya masih tidak ada khabar berita yang aku terima. Walaupun aku sudah ada pengganti tapi tidak sama seperti dia. Bersama penggantinya tidak pernah kami merantau jauh ke pelosok desa dan hutan rimba. Tidak pernah kami menginap di rumah-rumah tumpangan atau menumpang tidur di pondok wakaf mahu pun surau atau masjid. Aku cuma perlukan pengganti agar aku sentiasa mengingatnya. Agar kenangannya aku bersama dia sentiasa segar di dalam ingatan. Agar azamku ingin menjadi seperti ayah dan dia kekal selamanya. Hatiku tidak pernah berubah. Aku masih lagi berharap agar suatu hari nanti aku akan mendapat khabar berita darinya. Oh! Motorsikalku. Suzuki RGV 125. PDY 4414. Di manakah dikau?

Hillel

02 1200 Jun 2006

© HAK CIPTA TERPLEIHARA

